



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM KEMBARA ILMU  
DAN PESTA BUKU SABAH**

**14 JUN 2026 (AHAD)**

**4.00 PETANG**

**STADIUM LIKAS, KOTA KINABALU, SABAH**

**Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENGENALAN**

1. Petang ini kita berkumpul bersama-sama bagi meraikan **Majlis Perasmian Penutup Program Kembara Ilmu dan Pesta Buku Sabah** sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Sabah 2026.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Perpustakaan Negara Malaysia selaku penganjur, dengan kerjasama rakan strategik iaitu Perpustakaan Negeri Sabah dan Taman Botani Tun Fuad Stephens**, atas usaha berterusan dalam menjayakan program yang berteraskan ilmu, pembacaan dan perpaduan ini.
3. Sesungguhnya, budaya membaca dan penguasaan ilmu merupakan asas penting dalam melahirkan masyarakat yang berdaya saing, berfikiran kritis dan mempunyai jati diri yang kukuh.

## KEMBARA ILMU SEBAGAI PLATFORM PEMBELAJARAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. **Program Kembara Ilmu yang dilaksanakan pada hari ini merupakan satu pendekatan baharu yang berkonsepkan *info hunt* atau pencarian maklumat secara berkumpulan.** Melalui kaedah ini, peserta bukan sahaja menyelesaikan tugas yang diberikan, malah turut meneroka ilmu secara aktif, berinteraksi dengan rakan-rakan dan memupuk semangat kerjasama.
5. Hakikatnya, jika kita mahu memupuk budaya membaca dalam kalangan generasi muda hari ini, pendekatannya juga mesti berubah. **Generasi digital tidak boleh hanya disuruh membaca; mereka perlu diajak, digalak dan diinspirasikan untuk mencintai ilmu.**
6. Sebab itu negara-negara maju seperti **Finland, Singapura, Korea Selatan dan United Kingdom** telah memperkenalkan pelbagai program pembelajaran berasaskan pengalaman, gamifikasi (*gamification*), **eksplorasi digital dan aktiviti komuniti** bagi menjadikan pembacaan lebih menarik serta relevan kepada kehidupan seharian.

7. Keperluan kepada pendekatan baharu ini disokong oleh pelbagai kajian antarabangsa. **OECD melalui penilaian PISA 2022 melaporkan penurunan prestasi literasi bacaan dalam banyak negara, manakala UNESCO pula mengingatkan bahawa masih terdapat ratusan juta penduduk dunia yang belum menguasai kemahiran literasi asas.** Dalam dunia yang dipenuhi media sosial, kecerdasan buatan (AI) dan lambakan maklumat, cabaran sebenar bukan lagi kekurangan maklumat, tetapi keupayaan untuk membaca, memahami, menilai dan membezakan fakta daripada maklumat yang mengelirukan.
8. Justeru, perpustakaan pada abad ke-21 tidak boleh lagi dilihat sekadar sebagai sebuah bangunan yang menyimpan koleksi buku. **Perpustakaan perlu keluar daripada tembok fizikalnya dan mendekati masyarakat.** Perpustakaan mesti hadir di sekolah, taman awam, pusat komuniti, ruang digital dan pelbagai lokasi yang menjadi tumpuan rakyat.
9. **Jika rakyat tidak datang ke perpustakaan, maka perpustakaan perlu mendekati rakyat.** Inilah semangat yang diterjemahkan melalui Program Kembara Ilmu pada hari ini. Ini juga komitmen Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia.

## **PESTA BUKU SABAH**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Keunikan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2026 kali ini turut diserikan dengan penganjuran **Pesta Buku Sabah**, hasil kerjasama erat antara **Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Sabah dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MAPOBA)**.
11. Pesta Buku Sabah bukan sahaja menawarkan pelbagai terbitan terkini kepada masyarakat, malah turut mengetengahkan karya penulis watan Sabah sebagai usaha memperkasa bakat tempatan dan memperkukuh ekosistem industri penerbitan serta penulisan negeri.
12. Saya dimaklumkan bahawa **tapak Pesta Buku Sabah merupakan antara lokasi yang paling meriah dan mendapat sambutan luar biasa sepanjang Minggu Perpaduan 2026**, dengan kehadiran ribuan pengunjung yang membuktikan minat masyarakat terhadap ilmu dan budaya membaca masih kekal subur.

13. Penganjuran ini turut diperkaya dengan pelbagai program interaktif termasuk **penampilan khas kartunis Binjai serta program *Puisi Etnik: Citra Di Bawah Bayu*** yang menampilkan keindahan warisan budaya, bahasa dan sastera pelbagai etnik di Sabah, sekali gus mencerminkan kekuatan perpaduan dalam kepelbagaian.

## **PENUTUP**

14. Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Kembara Ilmu, Pesta Buku Sabah dan Pertandingan E-sport Sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2026.
15. Semoga program ini terus menjadi platform yang berkesan dalam menyemarakkan budaya membaca, memperkukuh literasi maklumat dan menyatukan rakyat Malaysia melalui ilmu.

Dengan itu, saya merasmikan **Majlis Perasmian Penutup Program Kembara Ilmu dan Pesta Buku Sabah.**

Sekian, terima kasih.